

NO SOALAN :12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26.07.2017

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan tegas Kerajaan ke atas pelaburan skim 'pyramid MBI' dan 'money games' yang terus beroperasi dan mendapat sambutan ramai walaupun Kerajaan telah bertindak ke atas pengusaha.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai tindakan penguatkuasaan dan langkah pencegahan telah diambil oleh pelbagai agensi dalam usaha membanteras aktiviti skim cepat kaya, seperti berikut :

i) Menjalinkan kerjasama strategik melalui penubuhan *Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud* (SCOFF) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*) (NCC).

- Menggalakkan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- Menjalankan operasi serbuan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasa yang mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang seliaan agensi masing-masing.

ii) Menubuhkan Jawatankuasa Penipuan Kewangan (JPK) dalam Talian (*Online Financial Fraud Taskforce*).

- JPK bertujuan untuk membanteras jenayah kewangan dalam talian dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik di antara ahli, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

iii) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa, seperti di akhbar-akhbar

tempatan, siaran televisyen dan radio; juga program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional, seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) serta Minggu Saham Amanah Malaysia yang dijalankan setiap tahun.

iv) Menyenaraikan nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang Kementerian / agensi.

- BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengambil langkah inisiatif dengan menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang agensi masing-masing; dan
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) turut mempunyai senarai status pendaftaran syarikat jualan langsung di laman sesawang mereka.

v) Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat *Multi Level Marketing* (MLM), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing.

- BNM; Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan TELELINK

Laman Web : <http://www.bnm.gov.my>

No. Telefon : 1-300-88-5465

- *SC; SC Investor Alerts*

Laman Web : <http://www.sc.com.my>

No. Telefon : 03-8204 8999

- KPDNKK; Sistem E-Aduan KPDNKK

E-mel : e-aduan@kpdnkk.gov.my

- SKMM

Laman Web : <http://www.aduan.skmm.gov.my>

E-mel : aduanskmm@cmc.gov.my

No. Telefon : 1-800-888-030

Tuan Yang di-Pertua,

Antara punca utama aktiviti skim cepat kaya masih terus berleluasa di Malaysia adalah disebabkan sifat orang ramai yang terlalu percaya kepada janji-janji pulangan imbuhan yang terlalu tinggi oleh skim tersebut. Mereka cenderung mengambil risiko menyertai skim-skim yang ditawarkan tanpa penilaian objektif dan tanpa menyemak

dengan pihak berkuasa yang berkaitan. Terdapat juga para pelabur yang sengaja menyertai skim-skim berkenaan di peringkat awal bagi mendapat imbuhan sebelum skim berkenaan gagal sepenuhnya. Selain itu, terdapat juga para pelabur yang enggan membuat laporan kepada pihak berkuasa kerana malu dan bimbang dengan kemungkinan akan kehilangan wang pelaburan. Dalam masa yang sama, modus operandi sindiket turut sering kali berubah. Sindiket-sindiket ini menggunakan teknologi terkini bagi memperdaya orang awam, serta bertujuan menyukarkan pihak berkuasa mengesan aktiviti-aktiviti tersebut.

Setakat 12 Julai 2017, BNM telah menyenaraikan sebanyak 334 syarikat di dalam "Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (SPPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM. Tujuan senarai tersebut dimuat naik ke dalam laman sesawang tersebut adalah sebagai langkah peringatan kepada semua pengguna memandangkan syarikat-syarikat tersebut disalah anggap sebagai mendapat lesen, dibenarkan menjalankan kegiatan dan dikawal selia oleh mana-mana pihak berkuasa.

Penyenaraian dibuat berdasarkan penilaian atas maklumat, pertanyaan dan aduan yang diterima oleh BNM berhubung dengan

aktiviti individu dan entiti yang berkenaan. Oleh yang demikian, BNM juga menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat atau menunjukan sebarang pertanyaan berkaitan kepada pihak BNM melalui perkhidmatan Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK di nombor 1-300-88-5456 atau menghantar e-mel di alamat bnmtelelink@bnm.gov.my jika mereka mempunyai sebarang maklumat atau soalan mengenai skim-skim pelaburan yang diragui.

Selain itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, aktiviti skim cepat kaya merupakan satu kesalahan di bawah bidang kuasa pelbagai agensi penguatkuasa termasuk BNM, PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain. Oleh yang demikian, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh mana-mana agensi-agensi tersebut berdasarkan akta-akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkenaan. Sebagai contoh, dari tahun 2013 sehingga April 2017, 35 kes yang disiasat di bawah akta yang dikawal selia oleh BNM telah dihadapkan ke mahkamah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN : 13

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian dalam memperkasakan peranan Tadika KEMAS agar ianya selari dengan sistem pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, KEMAS mempunyai sebanyak 11,229 buah kelas Tabika KEMAS dengan seramai 220,222 orang kanak berumur 4 hingga 6 tahun diseluruh negara.

Semenjak penubuhannya, Tabika KEMAS telah banyak memainkan peranan dalam memastikan kanak-kanak terutamanya dikawasan luar bandar dapat menikmati pendidikan awal yang berkualiti secara percuma.

Malah, pihak Readers Digest Asia telah mengiktiraf Tabika KEMAS sebagai *One Of Trusted Brand For Preschool Learning Centre* bagi tahun 2017 setanding dengan Tabika Swasta di Malaysia. Kaedah pemilihan ini dilaksanakan melalui undian atas talian yang dijalankan oleh pihak Readers Digest kepada hampir 8,000 orang terhadap sistem pendidikan prasekolah di negara ini yang mengambil kira aspek inovasi, mutu dan tanggungjawab social, kebolehpercayaan, kreadibiliti, kebolehfahaman kepada kehendak pengguna.

Bagi memastikan kelestarian kualiti dan peranan Tabika KEMAS agar sentiasa relevan dengan arus perdana sistem pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini maka pelbagai strategi dan program telah dirangka. Tabika KEMAS menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) serta Instrumen Pentaksiran PraSekolah Kebangsaan

(IPPK) bagi mentaksir perkembangan kanak-kanak yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selaras dengan Pelan Transformasi Luar Bandar untuk meningkatkan pembangunan modal insan yang cemerlang ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 maka KEMAS telah memperkenalkan Transformasi Tabika KEMAS dengan menambahbaik silibus pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Pelaksanaan transformasi ini adalah sejajar dengan aspirasi menjadikan Tabika KEMAS sebagai pilihan utama ibubapa dengan memberikan nilai tambah kepada silibus pembelajaran sedia ada melalui tiga (3) modul iaitu:

- i) Penghayatan Pendidikan Islam (PPI);
- ii) Pemupukan Semangat Patriotik; dan
- iii) Modul Keyakinan Diri.

Program ini akan menyokong kepada aspirasi murid seperti yang dihasratkan oleh sistem pendidikan negara untuk melahirkan murid yang berkemahiran, berpengetahuan, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional.

Menyedari hakikat bahawa pendidikan berkualiti terhasil daripada kompetensi personal yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, maka kualiti Pemaju Masyarakat (guru) Tabika KEMAS juga telah dipertingkatkan. KEMAS turut menyokong usaha kerajaan dengan memastikan semua guru Tabika KEMAS mempunyai kelayakan akademik diploma

dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini seramai 7,365 orang telah memiliki Diploma serta seramai 718 orang yang sedang dalam pengajian di IPTA dan IPTS tempatan. Menjelang tahun 2020 dianggarkan kesemua Pemaju Masyarakat Tabika memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Peranan mendidik anak-anak bukan tanggungjawab guru semata-mata. KEMAS juga menyediakan latihan dan kemahiran kepada ibu bapa melalui Bengkel Kemahiran Keibubapaan bagi membolehkan ibu bapa memahami akan kepentingan pendidikan awal serta memberi panduan kepada ibu bapa dari segi aspek pemakanan berkhasiat serta amalan gaya hidup sihat. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi boleh digunakan dalam kehidupan seharian sekeluarga.

KEMAS juga telah merangka dan melaksanakan pelbagai program ko-kurikulum seperti Hari Potensi, Selawat Perdana serta Sambutan Hari Kebangsaan di Tabika KEMAS yang bertujuan untuk mengilap potensi dan bakat kanak-kanak serta memupuk kecintaan mereka kepada negara, bangsa dan agama disamping dapat menjalinkan kerjasama erat dengan ibu bapa dan masyarakat setempat.